



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Profesional dan
Pendidikan Berterusan
(UTMSPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 1 – SESSION 2016 / 2017
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : UHAS 1172
KOD KURSUS

COURSE NAME : MALAYSIA DYNAMIC /
NAMA KURSUS DINAMIKA MALAYSIA

YEAR / PROGRAMME : 1 / ALL PROGRAMMES
TAHUN / PROGRAM 1 / SEMUA PROGRAM

DURATION : 2 HOURS / 2 JAM
TEMPOH

DATE : OCTOBER 2016
TARIKH

INSTRUCTION/ARAHAN :

1. Jawab **SEMUA** soalan di dalam borang **OMR** yang disediakan. (30 MARKAH)
2. Jawab **SEMUA** soalan di dalam **BUKU JAWAPAN** yang disediakan . (30 MARKAH)

(You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan)

NAME / NAMA	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of ...16... pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi16..... muka surat termasuk kulit hadapan

Bahagian A: (30 Markah)

Jawab semua soalan di dalam borang OMR yang disediakan.

1. Secara umumnya merujuk kepada sekumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu:
 - A. Budaya
 - B. Kaum
 - C. Masyarakat
 - D. Etnik
2. Merujuk kepada kepercayaan atau rasa bangga yang wujud dalam kalangan anggota sesebuah kelompok etnik, bahawa budaya dan etnisiti mereka jauh lebih baik dari kelompok lain:
 - A. Etnisiti
 - B. Etnosentrisme
 - C. Rasisme
 - D. Diskriminasi
3. Berasal daripada cantuman perkataan Sanskrit dan Melayu, yang membawa maksud tenaga fikiran, usaha rohani atau kuasa menggerakkan jiwa:
 - A. Ras
 - B. Rasisme
 - C. Integrasi
 - D. Budaya
4. Semakin mudah berlaku apabila wujudnya prejudis dan stereotaip dalam sesebuah masyarakat sama ada diperingkat individu atau kumpulan etnik:
 - A. Etnosentrisme
 - B. Rasisme
 - C. Konflik
 - D. Diskriminasi
5. Apakah peranan utama dalam pembentukan sesuatu budaya?
 - A. Membina imej negara ke arah mewujudkan keperibadian serta identiti.
 - B. Menyatukan rakyat melalui kerjasama dan pembahagian kuasa politik.
 - C. Membentuk sebuah masyarakat yang aman dan makmur.
 - D. Membantu mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).
6. Antara pernyataan berikut, yang manakah merujuk kepada budaya bukan kebendaan?
 - A. Peralatan dan kelengkapan hidup.
 - B. Kereta, perahu dan senjata.
 - C. Reka bentuk rumah orang Melayu yang berbeza dengan orang Inggeris.
 - D. Kepercayaan, adat istiadat dan undang-undang.

7. Antara pernyataan berikut, yang manakah merujuk kepada konsep akomodasi?

- A. Setiap kumpulan etnik menyedari serta menghormati norma dan nilai kumpulan etnik lain dan tetap mempertahankan budaya masing-masing.
- B. Pemisahan yang berlaku dalam beberapa keadaan antaranya dari segi kawasan tempat tinggal, sistem persekolahan, pengangkutan dan kemudahan awam.
- C. Berlakunya proses pinjam-meminjam yang kemudian diolah dan dijadikan unsur kebudayaan sendiri seperti penggunaan tali leher, angpau, makanan, hiburan dan sebagainya.
- D. Berlaku apabila wujudnya interaksi yang erat antara ahli kumpulan etnik yang berbeza budaya bagi satu tempoh yang lama.

8. Antara pernyataan berikut, yang manakah menepati makna perpaduan?

- A. Satu proses yang mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik.
- B. Satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap angota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan tanah air.
- C. Proses yang menyebabkan setiap kumpulan etnik menyedari serta menghormati norma dan nilai kumpulan etnik lain.
- D. Proses pencantuman dan penyatuhan antara kumpulan etnik berlainan budaya sehingga membentuk satu kelompok dengan kebudayaan dan identiti yang sama.

9. Apakah peranan Perlembagaan?

- I. Sebagai sumber undang-undang tertinggi
 - II. Sebagai garis panduan pembentukan undang-undang untuk rakyat dan pemerintah
 - III. Sebagai alat untuk memastikan Dewan Parlimen sentiasa mematuhi keperluan yang telah digariskan dalam perlembagaan.
 - IV. Sebagai rujukan kepada pemimpin dalam memerintah negara ini
-
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. I dan IV
 - D. II dan IV

10. Perlembagaan Persekutuan menyentuh bidang kuasa kehakiman, eksekutif, dan:

- A. Kementerian
- B. Perundangan
- C. Raja-Raja Melayu
- D. Kerajaan

11. Bukti yang terdapat dalam Perlembagaan Negeri-negeri Johor dan Terengganu memperuntukkan seorang Menteri Besar haruslah seperti berikut, **kecuali**:

 - A. Melayu
 - B. Rakyat Sultan
 - C. Tidak muflis
 - D. Islam

12. Pindaan perlembagaan boleh dilakukan di dalam perkara berikut **kecuali**:

 - A. Perkara 159(4)
 - B. Perkara 159(5)
 - C. Perkara 161(A)
 - D. Perkara 161(E)

13. Perlembagaan Malaysia adalah undang-undang utama persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan yang berlawanan dengannya adalah terbatal setakat mana yang berlawanan. Ini berkait dengan perkara:

 - A. Perkara 159 (4)
 - B. Perkara 159 (5)
 - C. Perkara 4 (1)
 - D. Perkara 3 (1)

14. Institusi beraja yang wujud di Malaysia hari ini dilindungi oleh perlembagaan melalui Perkara:

 - A. Perkara 89
 - B. Perkara 3(1)
 - C. Perkara 38(4)
 - D. Perkara 10(4)

15. Di peringkat negeri, Raja-Raja Melayu hendaklah bertindak atas nasihat:

 - A. Kabinet Malaysia
 - B. Majlis Raja-Raja Melayu
 - C. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
 - D. Yang Di-Pertuan Agong

16. Pegawai Eropah yang memegang jawatan kumpulan utama perlulah memenuhi syarat berikut untuk membolehkan mereka di tempatkan di Persekutuan Tanah Melayu **kecuali**.

- A. Mempelajari bahasa Melayu
- B. Lulus ujian bahasa Melayu
- C. Fasih berbahasa Melayu
- D. Berkahwin dengan orang Melayu

17. Tanah rizab Melayu terkandung di dalam:

- A. Perkara 89
- B. Perkara 8
- C. Perkara 152
- D. Perkara 3

18. Tanah rizab Melayu adalah seperti berikut, **kecuali**:

- A. Tanah Rizab Melayu terus menjadi tanah rizab Melayu selepas merdeka
- B. Mana-mana tanah yang bukan tanah rizab Melayu boleh diisytiharkan sebagai tanah rizab Melayu mengikut undang-undang.
- C. Kerajaan negeri tidak boleh mengambil tanah untuk menempatkan orang Melayu dan bukan Melayu.
- D. Jika tanah tersebut telah dimiliki oleh orang bukan Melayu, maka tanah rizab Melayu tidak boleh diisytiharkan.

19. Untuk mengwujudkan perlembagaan baharu, Suruhanjaya Reid telah mengambil kira perkara tersebut sebagai syarat utama **kecuali**:

- A. Pembentukan sebuah persekutuan dengan kerajaan pusat yang kuat
- B. Pemeliharaan kedudukan, keistimewaan, kehormatan dan hak Raja-Raja Melayu
- C. Pembentukan sebuah sistem kewarganegaraan berdasarkan prinsip *jus soli*
- D. Pengwujudan jawatan ketua negara membawa gelaran Yang Di Pertuan Agong

20. Unsur-unsur Tradisi yang mendasari Kontrak Sosial adalah:

- I. Bahasa
 - II. Agama
 - III. Kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputra
 - IV. Pemerintahan Beraja
-
- A. I, II, dan III
 - B. II, III, dan IV
 - C. I, II, dan IV
 - D. Semua di atas

<i>1) Berperanan menstabilkan sistem politik negara</i>
<i>2) Dilindungi di bawah Akta Hasutan</i>
<i>3) Dianggap sebagai isu sensitif</i>
<i>4) Dilarang dijadikan isu perbincangan awam</i>

21. Perkara di atas menjelaskan tentang:

- A. Ciri-ciri Unsur Tradisi
- B. Strategi Dasar Ekonomi Baru
- C. Faktor perkembangan sistem politik
- D. Fungsi Perlembagaan Tanah Melayu

22. Pilih pernyataan yang **salah** berhubung dengan strategi-strategi membasmi kemiskinan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).

- A. Mengadakan peluang pekerjaan.
- B. Menambahkan kemudahan untuk meninggikan pendapatan semua golongan miskin.
- C. Penyusunan corak tenaga kerja mengikut sektor dan kaum.
- D. Memodenkan kehidupan pendudukan luar bandar.

23. Berikut merupakan dasar-dasar kerajaan kearah pembangunan ekonomi **kecuali**:

- A. Model Ekonomi Baru.
- B. Dasar Pandang ke Timur
- C. Dasar Penswastaan
- D. Dasar Pendidikan Negara

24. Dasar Ekonomi Baru (DEB) mempunyai dua objektif utama iaitu:

- I. Membasmi kemiskinan
 - II. Membasmi pengangguran
 - III. Menyusun gunatenaga
 - IV. Menyusun semula masyarakat
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I dan IV
 - D. III dan IV

25. Aspek-aspek Sosio-ekonomi yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat di Tanah Melayu pada awal kemerdekaan ialah:

- A. Guna tenaga tidak cekap
- B. Kemiskinan dan hak milik kekayaan
- C. Keperluan pendidikan tinggi.
- D. Penindasan oleh Inggeris

26. Pilih pernyataan yang **bukan** merujuk kepada sembilan cabaran dalam merealisasikan Wawasan 2020:

- A. Masyarakat kreatif dan agresif
- B. Masyarakat yang berjiwa bebas
- C. Masyarakat saintifik dan progresif
- D. Masyarakat demokratik

Penumpuan kepada pembangunan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) sebagai satu strategi kearah meningkatkan dan seterusnya mengekalkan penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi.

27. Pernyataan di atas berkaitan dengan:

- A. Dasar Wawasan Negara
- B. Dasar Pembangunan Nasional
- C. Dasar Ekonomi Baru
- D. Dasar Perindustrian Moden

27. Agensi seperti MARA , FELDA dan FAMA adalah berkaitan dengan:

- A. Pembangunan Ekonomi
- B. Pembangunan Luar Bandar
- C. Pengswastaan
- D. Pembangunan usahawan Bumiputra

29. Rancangan Malaya Pertama (RM1)1956-1960 hingga Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970 berfokuskan kepada pembangunan kawasan:

- A. Luar Bandar
- B. Bandar
- C. Bandar Baharu
- D. Pinggir Bandar

30. Bahasa Melayu pernah menjadi bahasa:

- A. Linguaphone
- B. Linguistik
- C. Lingua Franca
- D. Linggor

31. Melaka menguatkuasakan undang-undang untuk menjamin keselamatan masyarakat dan pedagang di darat dan di laut yang dikenali sebagai:

- A. Hukum Kanun Melaka
- B. Undang-undang Laut Melaka
- C. Hukum Hudud
- D. Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka

Soalan 32 hingga 35 sila rujuk pernyataan dan padanan jawapan di bawah:

Melaka pernah menjadi kota multi-budaya yang berinteraksi aktif dengan penduduk tempatan sehingga mewujudkan kategori masyarakat baru seperti berikut:

- A. Baba Nyonya
- B. Mamak/Mami
- C. Serani
- D. Syed/Syarifah

Oleh kerana proses asimilasi berlaku dengan jayanya dalam masyarakat maka lahirlah generasi baru hasil percampuran tersebut, padankan jawapan anda:

32. Etnik Cina + etnik Melayu = _____

33. Etnik Portugis + etnik Melayu = _____

34. Etnik Arab + etnik Melayu = _____

35. Etnik India + etnik Melayu = _____

36. Pandangan atau penilaian bahawa sesuatu kelompok itu merupakan pusat segalanya dan menjadi titik rujukan kepada pandangan atau idea orang lain :

- A. Rasis
- B. Rasisme
- C. Ethnosentrisme
- D. Stereotaip

37. Satu konsep mengenai suatu kelompok tertentu oleh orang ramai disebabkan ketiadaan ilmu pengetahuan yang khusus mengenai ciri-ciri ahli individu kelompok tersebut:

- A. Rasis
- B. Rasisme
- C. Ethnosentrisme
- D. Stereotaip

38. Proses penyatuan kelompok-kelompok etnik yang berbeza latar belakang menjadi satu entiti yang terikat oleh norma dan nilai serta kepentingan bersama:

- A. Integrasi
- B. Segregasi
- C. Akomodasi
- D. Akulturası

39. Pemisahan atau pengasingan antara etnik terbahagi kepada dua samada *de Jure* ataupun *de facto* ia nya merujuk kepada:

- A. Integrasi
- B. Segregasi
- C. Akomodasi
- D. Akulturası

40. Proses ini untuk mempertahankan budaya masing-masing dan bebas mengamalkan budaya masing-masing serta menyedari dan menghormati budaya etnik yang lain:

- A. Integrasi
- B. Segregasi
- C. Akomodasi
- D. Akulturası

41. Peminjaman dan penerimaan unsur kebudayaan dari kalangan kelompok lain dan ianya diterima dan diolah ke dalam kebudayaan sendiri dikenali sebagai:

- A. Integrasi
- B. Segregasi
- C. Akomodasi
- D. Akulturası

42. Pilihanraya Umum pertama di Tanah Melayu telah berlangsung pada:

- A. 27 Julai 1955.
- B. 27 Julai 1967.
- C. 28 Julai 1955.
- D. 30 Julai 1957.

43. Bilakah kerajaan British mengisyiharkan darurat tamat secara rasmi?

- A. 31 Julai 1960.
- B. 31 Julai 1963.
- C. 22 Julai 1963.
- D. 28 Julai 1969.

44. Bilakah tarikh Malayan Union dibubarkan?

- A. 31 Julai 1960. C. 31 Ogos 1957
- B. 31 Januari 1948. D. 30 September 1960

45. Setelah Malayan Union dibubarkan, sebuah kerajaan baru telah dibentuk yang dikenali sebagai

• Persekutuan Tanah Melayu. Ia dibentuk melalui:

- A. Perjanjian Pangkor
- B. Perjanjian Bangkok
- C. Perjanjian Persekutuan
- D. Perjanjian Inggeris-Belanda

46. Semasa darurat perintah berkurung telah dikenakan ke atas rakyat sehingga tahun 1960.

Perintah berkurung telah dilaksanakan antara masa-masa berikut:

- A. 6 petang – 6 pagi.
- B. 5 pagi – 5 petang.
- C. 7 petang - 7 pagi.
- D. 5 petang – 5 pagi.

47. Kebanyakan masyarakat Melayu Islam di Malaysia mengamalkan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah serta bermazhabkan ajaran:

- A. Imam As-Shafie C. Imam Hambali
- B. Imam Al-Ghazali D. Imam Al-Ghazali

48. Dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948 Pulau Pinang dan Melaka dikategorikan sebagai negeri satu wilayah kepada United Kingdom:

- A. Colonial State.
- B. British Colonial Territories.
- C. Protectortes.
- D. Strait Settlements.

49. Dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948, 9 (sembilan) buah Negeri-negeri Melayu dikategorikan sebagai wilayah berikut kepada United Kingdom:

- A. Colonial State.
- B. British Colonial Territories.
- C. Protectorates.
- D. Strait Settlements.

50. Rancangan 5 tahun yang pertama Malaya yang dilaksanakan pada 1950-1955 berasaskan kepada.

- A. Konflik.
- B. Perundingan.
- C. Perjanjian.
- D. Pertukaran idea.

52. Pesuruhjaya Agung British yang berjaya menyatukan kelompok sosial di Malaysia adalah:

- | | |
|------------------------|------------------|
| A. Frank Swettenham. | C. Lord Brassey |
| B. Malcolm Mac Donald. | D. Francis Light |

53. Kunci kesepaduan sosial di Malaysia adalah:

- A. Pencapaian ekonomi.
- B. Kematangan rakyatnya.
- C. Pendidikan yang baik.
- D. Sikap tidak ambil peduli terhadap negara.

54. Jumlah penduduk Malaysia berjumlah 28.3 juta dan mempunyai lebih 70 kumpulan etnik, sub-etnik, bahasa dan dielek. Jika dikumpulkan jumlahnya melebihi:

- | | |
|------------------|------------------|
| A. 300 sub-etnik | C. 200 sub-etnik |
| B. 500 sub-etnik | D. 150 sub-etnik |

Hakka, Hokkien, Hainanese, Foochow, Teochow

55. Kumpulan di atas merupakan sub-etnik bagi masyarakat:

- | | |
|-----------|---------------|
| A. Indian | C. Orang asli |
| B. Cina | D. Siam |

56. Susun peristiwa berikut mengikut kronologi:

- I. Sistem Residen.
- II. Sistem Ahli.
- III. Penubuhan Malaysia.
- IV. Penaklukan Melaka oleh Portugis
- V. Kemerdekaan Tanah Melayu.

- A. I, II, III, IV dan V.
- B. II, IV, I, V dan III.
- C. IV, III, I, II dan V
- D. IV, I, II, V dan III.

57. Malayan Union telah ditubuhkan pada Januari 1946. Walau bagaimanapun penubuhannya telah mendapat banyak tentangan dari orang-orang Melayu. Tentangan ini disebabkan:

- I. Kehilangan kedaulatan Raja-Raja Melayu
 - II. Taraf kerakyatan yang longgar
 - III. Cara Harold Mac Micheal mendapatkan tandatangan Raja tidak disukai
 - IV. Kelebihan yang diberikan kepada orang Melayu
-
- A. I, II dan IV.
 - B. I, II dan III.
 - C. I, III dan IV.
 - D. Semua di atas

58. Modenisasi mengandungi dua (2) aspek utama, iaitu pembangunan ekonomi dan:

- A. Pembangunan sosial
- B. Pembangunan politik
- C. Pembangunan pendidikan
- D. Pembangunan modal insane

59. Negara bangsa perlu difahami oleh semua rakyat yang hidup dalam negara yang berdaulat, Maksud Negara bangsa ialah:

- A. Wilayah yang mempunyai pentadbiran
- B. Negara yang mempunyai pentadbiran yang baik, mengikut sistem yang telah ditetapkan
- C. Negara yang mempunyai wilayah sempadan, pemerintahan dan warganegara
- D. Wilayah yang membenarkan rakyat mendapat peluang untuk memilih calon pemimpin dan sebuah Negara yang berdaulat.

60 Pembinaan Negara-bangsa dapat dicapai melalui kaedah yang bersifat '*top-down*' seperti:

- I. Penghayatan ideologi Negara
 - II. Penerapan dasar-dasar awam
 - III. Penanaman semangat nasionalisme
 - IV. Penglibatan golongan pemimpin bersama rakyat
-
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

BAHAGIAN B: (30 Markah)

Jawab Semua Soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.

1. Bagaimanakah pemuafakatan politik dapat mengekalkan kesepadan kaum di Malaysia?
Bincangkan. (6 Markah)
2. Program pembinaan Negara bangsa Malaysia menggunakan kaedah ‘*top-down*’ iaitu melalui dasar-dasar kerajaan dan program-program yang telah dirancang sebelum dilaksanakan. Antara program tersebut ialah (6 Markah)
3. Pembangunan politik di sesebuah Negara berlaku dalam tiga proses. Huraikan. (6 Markah)
4. “Pembangunan politik dan pembangunan Negara saling berkaitrapat. Hal ini bergantung kepada penglibatan masyarakat di dalam Negara tersebut.” Berikan dua (2) hujahan anda tentang perkara ini. (6 Markah)
5. Huraikan bagaimanakah peranan kerajaan di dalam memupuk keharmonian kaum melalui Strategi Sistem Pendidikan? (6 Markah)

~~SOALAN TAMAT~~
Selamat Berjaya